

Bekas atlet paralimpik diuji sakit, kesempitan

Oleh **NOR SHAFAWATI YUP**
utusannews@mediamulia.com.my

SEREMBAN: Ujian berganda menimpa seorang bekas atlet paralimpik yang kudung kaki kiri apabila dia hilang punca pendapatan selepas tahap kesihatannya merosot dan dalam masa sama rumah sewanya di Taman Happy, Rasah di sini dinaiki air Jumaat lalu.

Mohd. Faizal Ali, 37, bekas atlet paralimpik bola keranjang yang pernah mewakili Selangor berkata, kakinya dipotong ketika berusia 10 tahun disebabkan penyakit kanser tulang dan dia pernah menggunakan kaki palsu tetapi kini dia menderita masalah gout pula.

Menurut bapa kepada empat orang cahaya mata berusia enam hingga setahun itu, sebelum ini, dia pernah menjual biskut yang dihasilkan sendiri untuk menyara keluarga selain berniaga pau dan ayam goreng.

“Bagaimanapun, perniagaan itu terpaksa dihentikan sejak empat bulan lalu apabila masalah gout yang dialami semakin teruk sehingga menyebabkan benjolan sendi pada kaki dan tangan. Saya juga diserang sakit jantung pada bulan April lalu.

“Dalam keadaan begini, rumah sewa pula dimasuki air hingga paras pinggang semasa hujan lebat Jumaat lalu, ini merupakan kali ketiga rumah sewa mengalami banjir sepanjang tahun ini,” katanya ketika ditemui di sebuah rumah inap



MOHD. Faizal Ali yang kudung kaki kiri bersama empat orang anak dan isterinya ketika ditemui di Senawang, Negeri Sembilan, semalam. - UTUSAN/NOR SHAFAWATI YUP

desa di Taman Guru Malaysia di Senawang, di sini semalam.

Buat sementara waktu, Mohd. Faizal menumpang di rumah inap itu atas ihsan pemilik rumah sewanya.

Menurut Mohd. Faizal, dalam kejadian banjir itu, dua ketuhar yang digunakan untuk membuat biskut rosak manakala sebuah peti sejuk ditolak arus air banjir.

“Kalau ada rezeki, saya sedang usahakan untuk pindah ke rumah sewa lain di bawah harga RM600 kerana tidak

mampu lagi berhadapan dengan banjir sebab banyak peralatan rumah musnah dan tidak mampu beli yang baharu.

“Satu-satunya kenderaan saya iaitu Proton Wira turut rosak dimasuki air dan kini tersadai di bawah jejambat,” katanya yang menyewa di rumah itu sejak dua tahun lalu.

Orang ramai yang ingin membantu boleh menghubungi Mohd. Faizal di talian 011-31815447 atau salurkan sumbangan akaun (BSN) 05111-41100017066 (Mohd. Faizal).